

## Value and Culture in Aladdin Animated Film

### Nilai dan Budaya Dalam Filem Animasi Aladdin

Nur 'Azizah Mohamed Najib  
*azizahnajib@gmail.com*

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Siti Rugayah Tibek  
*siti\_tibek@yahoo.com*

Kumpulan Penyelidik Kajian Rantau Asia Barat (AKRAB)  
Profesor di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Article received on 6 January 2014. Article published online on 25 Mac 2015.

#### Abstract

Animated films have always been the entertainment media for kids and most of research have been done showed that animated films are a very useful indirect education medium for kids. Most of the animated films are produced in western countries and these animated films have different elements and culture from Muslim countries. This research try to list out one of the animated film's literature review, and analyzing the values and cultures from Islamic perspective. This is a qualitative research using content analysis methodology. The Walt Disney Company's Aladdin animated film was chosen

for analysis. The result shows that the negative values and cultures are more often being showed in the animated film rather than the positive values and cultures as such the main character was a thief and becoming a hero of the story, irresponsible leader of the state who cares only about himself and also believe in something else from Allah S.W.T. that we called syirik.

**Keywords:** *Animation film, Aladdin, Disney, Islamic value culture*

#### Abstrak

Filem animasi merupakan antara media hiburan untuk anak-anak dan banyak kajian yang menunjukkan animasi amat membantu dalam pendidikan anak-anak secara tidak langsung. Filem animasi banyak dikeluarkan dari syarikat produksi Barat dan sudah tentu mempunyai mesej-mesej dan latar belakang yang tidak mementingkan unsur-unsur Islamik. Kajian ini bertujuan mengkaji komponen sastera filem animasi *Aladdin*, menganalisis nilai dan budaya yang terdapat dalam filem

animasi tersebut dan dilihat dari perspektif Islam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrumen analisis kandungan. Filem animasi Aladdin hasil produksi *The Walt Disney Company* dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati nilai dan budaya negatif lebih banyak berbanding nilai dan budaya positif sebagai contoh watak utama yang diberikan perwatakan seorang pencuri yang dihina masyarakat, pemimpin negara yang hanya mengejar kepentingan sendiri, dan kepercayaan kepada kuasa makhluk selain dari Allah S.W.T.

**Kata kunci:** *Filem animasi, Aladdin, Disney, nilai budaya Islam*

## Pengenalan

The Walt Disney Company telah menghasilkan pelbagai filem animasi bermula tahun 1923 hingga kini dan masih menghasilkan filem-filem animasi yang berjaya meraih liputan seluruh dunia. Filem animasi *Aladdin* ditayangkan secara rasmi pada tahun 1992 dan mendapat undian kedua tertinggi dalam laman sesawang *Disney Movies Guide* dengan jumlah sebanyak 2775 undian. Keuntungan kasar filem animasi ini dari seluruh dunia ialah sebanyak \$504,050,219 (<http://boxofficemojo.com/alltime/world/>). Filem animasi ini walaupun berlatar belakangkan negara Arab yang diketahui sebagai negara Islam, tetapi watak-watak dan latar masyarakat yang ditunjukkan menyamai gaya hidup Barat. Hal ini perlu diteliti bagi mengelakkan anak-anak Islam yang masih dalam proses pembentukan jati diri seorang Muslim tidak keliru dengan percampuran adat dan ajaran yang ada.

Watak utama filem animasi *Aladdin* ini adalah seorang anak muda yang datang dari golongan miskin bernama Aladdin. Dia tidak mempunyai sebarang pekerjaan melainkan sebagai seorang pencuri dan digelar *street rat* oleh penduduk setempat. Walaupun Aladdin mempunyai wajah yang tampan tetapi masyarakat masih tidak dapat menerima sebagai orang biasa kerana sikapnya yang suka mencuri dan licik melarikan diri. Walaupun Aladdin hidup seperti buangan, dia masih mempunyai sifat kasih sayang yang tinggi terutamanya terhadap anak-anak jalanan yang senasib dengannya. Aladdin suka berkongsi hasil curiannya walaupun kadang kala dia sendiri terpaksa menahan lapar kerana tidak mempunyai makanan yang mencukupi. Aladdin juga tidak suka melihat penindasan yang berlaku antara golongan bangsawan dan golongan bawahan, malahan dia sering mempertahankan mereka yang senasib dengannya walaupun perkara itu menyebabkan dirinya selalu dihina. Aladdin mempunyai angan-angan untuk hidup mewah dan berada di dalam istana. Angan-angannya hanya dikongsi bersama haiwan peliharaannya, seekor monyet yang diberi nama Abu. Aladdin juga pernah digelar *Diamond in the Rough* iaitu satu-satunya individu yang dapat memasuki *Cave of Wonders*.

Filem ini kemudiannya menonjolkan watak Jafar sebagai antagonis, iaitu Wazir Besar kerajaan Agrabah yang bercita-cita untuk menjadi Sultan Agrabah. Jafar seorang yang kejam, licik, misteri, pendendam, pentingkan diri sendiri, sinis, sentiasa mencuri peluang dan juga mempunyai personaliti pembesar yang berkeyakinan tinggi tetapi sememangnya tidak ikhlas dalam memberikan khidmatnya kepada Sultan Agrabah. Jafar yang mengamalkan sihir dari tongkat saktinya tidak pernah berhenti dari merancang pelbagai cara untuk mengambil alih takhta kerajaan Agrabah. Malahan pertemuan dia dan Aladdin juga kerana rancangannya untuk mendapatkan takhta dengan menangkap Aladdin dan mengupahnya memasuki *Cave of Wonders*. Jafar lebih suka menyendiri di dalam menara peribadinya bersama haiwan peliharaannya, Iago, seekor burung kakak tua yang boleh berkata-kata malahan boleh berfikir seperti seorang manusia sempurna. Biarpun Iago hanya seekor burung, tetapi kata-katanya kadang kala menjadi perhatian Jafar dan diambil kira dalam perancangannya.

Setelah memperkenalkan antagonis, filem ini mengetengahkan pihak ketiga yang turut memainkan peranan penting dalam plot cerita, Genie. Genie merupakan seekor jin yang keluar dari sebuah teko yang telah beribu tahun tersimpan dalam *Cave of Wonders*. Genie, jin yang berwarna biru dengan perwatakan yang santai, suka berjenaka tetapi sangat berpegang teguh pada janjinya. Genie bukan sahaja mampu menunaikan segala permintaan tuannya tetapi dia turut berfungsi sebagai

pemberi nasihat agar tuannya tidak tersalah membuat permintaan. Perkara ini jelas menunjukkan Genie bukanlah satu watak yang mementingkan diri sendiri dengan sekadar memberi apa yang diminta untuk memenuhi tugasnya, tetapi dia ingin memberikan yang terbaik agar tuannya berpuas hati dan tidak menyesali permintaannya. Biarpun Genie pada peleraian cerita telah bertukar tuan, dia masih menunjukkan kesetiaannya kepada Aladdin dengan membantu Aladdin menyelamatkan Jasmine dan Sultan Agrabah.

## **Sinopsis**

Filem animasi ini dimulakan dengan pengenalan watak-watak utama dan perkaitan antara mereka. Jafar sebagai Wazir Besar Negara Agarabah ingin meneruskan perancangannya merampas takhta dengan menggunakan Aladdin yang digelar *Diamond in the Rough* untuk mendapatkan lampu ajaib di Gua Keajaiban (*Cave of Wonders*). Konflik berlaku apabila Aladdin dan Jasmine jatuh cinta tanpa menyedari rancangan jahat Jafar. Genie, jin dari lampu ajaib yang menganggap Aladdin sebagai sahabatnya sering menyelamatkan Aladdin dari dibunuh oleh Jafar. Peleraian konflik di akhir cerita apabila Aladdin berjaya menewaskan Jafar dengan memperdaya Jafar untuk bertukar menjadi jin seperti Genie. Takhta Sultan Agrabah berjaya dikembalikan dan Aladdin diberi ganjaran mengahwini Jasmine.

## **Metodologi**

Filem animasi Aladdin ditonton berulang kali bagi memastikan nilai dan budaya yang dikeluarkan difahami oleh pengkaji berdasarkan jalan cerita dan latar masyarakat. Nilai dan budaya yang di senarai pendek adalah berdasarkan kepada nilai yang bermaksud etika atau prinsip moral yang menjadi pegangan watak-watak filem animasi manakala budaya pula diertikan dengan kebudayaan keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, dan berfikir serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, serta kemajuan akal budi (Kamus Dewan Edisi Keempat). Nilai dan budaya ini kemudiannya dianalisis menurut perspektif Islam dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran, hadis serta buku-buku rujukan akhlak Islam. Dalam penulisan Mustafa (1995) dinyatakan bahawa sumber utama rujukan budi bahasa atau kita kenali nilai moral Islam ialah al-Quran dan as-Sunnah berdasarkan beberapa dalil seperti hadis Nabi S.A.W. tentang pengutusan Baginda S.A.W. untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak. Budi bahasa Islam pula diasaskan kepada tiga perkara pokok iaitu aqidah, syarak dan akhlak dengan bercirikan beberapa perkara seperti kebaikan mutlak, kebaikan sejagat, mudah, mantap, kewajipan yang dipatuhi dan pengawasan yang menyeluruh. Aqidah dalam Islam secara totalnya membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang selari dengan sifat semula jadi manusia. Keyakinan dan keimanan dalam Islam merangkumi pelbagai aspek termasuk gaya hidup yang berbeza-beza, berbeza daripada amalan ritual agama lain yang menumpukan aspek kehidupan sahaja dan tentunya tidak bersesuaian dengan semua. (Ahmad Munawar *et al.*, 2011). Kemudian nilai dan budaya diklasifikasikan kepada nilai positif dan negatif; budaya positif dan negatif. Nilai dan budaya positif ini merupakan nilai dan budaya yang selari dengan ajaran Islam manakala nilai dan budaya negatif adalah sebaliknya. Nilai yang dianalisis boleh dilihat melalui perwatakan setiap watak animasi manakala budaya pula dilihat pada latar masyarakat filem animasi tersebut.

## Nilai dan Budaya dalam Filem Animasi Aladdin

Setelah dianalisis, hasil kajian ini menunjukkan senarai nilai dan budaya yang bercanggah lebih banyak daripada senarai nilai dan budaya yang selari dengan ajaran Islam. Perkara ini lebih jelas dilihat nilai dan budaya negatif yang dipersembahkan berikutan jelas lagi nyata latar belakang tempat adalah di kawasan Semenanjung Arab yang majoriti mengenali kawasan tersebut terdiri daripada daerah-daerah Islam tetapi masyarakatnya menjalani kehidupan seperti gaya hidup masyarakat di negara bukan Islam. Penghinaan demi penghinaan dilakukan terhadap Islam dari mula hingga tamat filem animasi ini termasuk penghinaan terhadap hukuman hudud. Adat dan gaya hidup di campur adukkan dengan gaya hidup Barat, begitu juga dengan perwatakan yang ditonjolkan oleh watak-watak animasi ini yang dilihat mampu mengelirukan anak-anak Muslim yang menonton. Pendedahan aurat dengan sewenang-wenangnya oleh kaum wanita menunjukkan satu lagi penghinaan terhadap kerajaan Islam sekali gus masyarakat sekeliling yang tidak mampu mengawal anak gadis agar mengikut ajaran Islam. Hal ini memberi impak kepada anak-anak bahawa syariat penutupan aurat bukanlah satu kewajipan dan boleh dipandang remeh. Pergaulan bebas turut menjadi isu dalam filem animasi ini apabila Aladdin dan Jasmine langsung tidak ditegur oleh Sultan, pemerintah negara yang juga bapa kepada Jasmine apabila berpegangan tangan dan berpelukan di hadapannya sedangkan mereka masih belum berkahwin ketika itu.

Latifah *et al.* (2012) menekankan penerapan nilai murni mempengaruhi pembentukan jati diri seseorang Muslim kerana jati diri mempunyai perkaitan dengan akhlak seseorang. Nilai dan akhlak yang mulia diperlukan untuk membentuk dan memupuk jati diri yang baik. Pendidikan seawal usia anak-anak amat penting agar ianya berterusan dan berkembang serentak bagi membentuk jati diri Muslim. Kajian ini turut menekankan pengaruh media terhadap anak-anak sehingga kartun kegemaran dijadikan ikon hidup yang memberikan impak negatif ke atas perkembangan akhlak dan jati diri mereka.

Beberapa nilai dan budaya dari filem animasi dikategorikan kepada positif dan negatif. Penentuan kategori ini berdasarkan keselarian nilai dan budaya ini dengan ajaran Islam. Kategori positif mengandungi nilai dan budaya yang selari dengan ajaran Islam manakala kategori negatif sebaliknya.

Filem animasi ini menonjolkan sifat hormat-menghormati dalam bermasyarakat apabila Aladdin amat menghormati orang di sekelilingnya termasuk anak-anak yatim yang tidak berumah. Aladdin turut menunjukkan keberaniannya menegur golongan bangsawan yang tidak tahu menghormati anak-anak jalanan. Nilai ini menurut Gulcur (2010) berkait rapat dengan kasih sayang iaitu dengan melihat kepada pertalian antara ahli komuniti diperkuat dengan kasih sayang dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam surah al-Hasyr ayat 9 turut terdapat nilai kasih sayang sesama manusia. Kasih sayang merupakan tunggak utama yang membantu membina sesebuah komuniti yang Islam mahukan. Pada awal penghijrahan, Rasulullah S.A.W. menitik beratkan isu kasih sayang agar kaum muhajirin tidak terasa asing dari bumi Madinah al-Munawwarah. Berkasih sayang juga mampu mewujudkan komuniti yang saling bertegur sapa, mengambil berat sesama ahli serta bantu-membantu atas kesusahan ahli komuniti yang lain.

**Jadual 1 Nilai Positif dan Negatif dalam Filem Animasi Aladdin**

<b>NILAI POSITIF</b>	<b>NILAI NEGATIF</b>
Hormat-menghormati	Menipu
Berani	Membunuh
Kasih-mengasihi	Tidak bersyukur
Mengambil berat	Sombong
Tegas	Mencuri
Tolong-menolong	Berputus asa
Saling memaafkan	Syirik
Tepati janji	Kurang sabar
Belajar dari kesilapan yang lalu	Lari dari rumah
Setia	Alam fantasi
Tidak berputus asa	Bermegah-megah
	Salah guna kuasa
	Pemimpin tidak bertanggungjawab
	Tamak
	Panjang angan-angan
	Bersangka buruk
	Memanipulasi keadaan
	Tiada adab kesopanan
	Menyalahkan orang lain
	Pemarah
	Hina Islam
	Tidak menghormati hak orang lain
	Pelacuran
	Eksloitasi wanita
	Pentingkan diri sendiri
	Paksaan

(Sumber: Kajian lapangan 2012)

**Jadual 2 Budaya Positif dan Negatif dalam Filem Animasi Aladdin**

<b>BUDAYA POSITIF</b>	<b>BUDAYA NEGATIF</b>
Hubungan baik ayah dan anak	Mesej bawah sedar: - Iluminati - Freemason
Meraikan tetamu	
Berbincang dalam menyelesaikan masalah	Hinduisme Liberalisme Pembaratan budaya dan cara hidup Hedonisme Memberi gelaran yang tidak baik

(Sumber: Kajian lapangan 2012)

Filem ini juga mengetengahkan nilai keberanian dalam diri Aladdin yang tidak gentar terhadap sihir yang digunakan oleh Jafar, selari dengan ayat 14 dalam surah al-Kahfi yang menegaskan agar umat Islam menjadi berani dan tidak gentar terhadap sesuatu melainkan Allah S.W.T. Aladdin turut mempunyai sifat tegas dalam memperingatkan haiwan peliharaannya agar tidak melanggar perjanjian yang perlu mereka patuhi ketika berada di dalam *Cave of Wonders*. Nilai ini merupakan antara nilai yang perlu ada dalam diri seorang Muslim untuk memastikan tertegaknya hukum Allah seperti yang terkandung dalam surah al-Maidah ayat 54 serta contoh Rasulullah S.A.W. sebagai seorang yang tegas dalam surah al-Fath ayat 29. Seharusnya, sebagai seorang yang beriman, takut dan gentar hanya kepada kuasa Allah kerana setinggi mana ilmu sihir seseorang itu, sudah tentu tidak dapat melawan kuasa Allah S.W.T. yang menciptakan ilmu sihir termasuklah makhluk yang membantu dalam proses penyihiran tersebut.

Kemudian, filem animasi ini mengetengahkan sifat saling bermaaf-maafan apabila di akhir cerita, Aladdin memohon kemaafan dari semua rakan-rakan dan Jasmine atas sikapnya dan dibalas dengan kemaafan dari mereka. Surah al-Baqarah ayat 237 membuktikan sifat bermaaf-maafan itu lebih dekat dengan ketaqwaan menurut Islam, begitu juga dengan ayat 134 dalam surah ali-Imran dan ayat 22 dalam surah an-Nur. Kemaafan merupakan salah satu bukti seseorang itu berjaya mengalahkan kemarahan dan panas baran dalam dirinya selain menunjukkan seseorang itu berjaya membuang ego dari hatinya. Dengan memohon dan menerima maaf, bererti kisah lampau tidak lagi disimpan sebagai dendam dan penyesalan yang tidak berkesudahan dan perkara ini dapat menghasilkan komuniti yang bahagia tanpa wujudnya penyakit-penyakit hati.

Sifat menepati janji yang ada pada Aladdin turut menepati ajaran Islam yang terdapat dalam surah al-Maidah ayat 1 dan surah al-A'raf ayat 102. Islam juga mengajar umatnya agar menjadi individu yang setia seperti ayat 33 dalam surah an-Nisa' yang bermaksud: *Dan mana-mana orang yang kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya*. Nilai ini dapat dilihat dalam perwatakan yang dibawa oleh Aladdin dan Genie. Sifat ini antara salah satu sifat yang diambil berat dalam Islam kerana pengkhianatan dalam perjanjian boleh membawa kepada kerosakan dalam komuniti kerana pengkhianatan menghilangkan kepercayaan dan kredibiliti pemberi janji.

Dilihat pula pada budaya positif, filem animasi ini mengetengahkan budaya hubungan baik antara ayah dan anak, meraikan tetamu serta berbincang dalam menyelesaikan masalah yang jelas dilihat antara Sultan Agrabah dan puterinya, Jasmine. Ayat 38 dalam asy-Syura menerangkan tentang musyawarah dalam menyelesaikan masalah manakala budaya meraikan tetamu terdapat dalam surah az-Zariat ayat 24 bahawa betapa Nabi Ibrahim memuliakan tetamunya jelas menunjukkan budaya ini disanjung dalam Islam. Islam menganjurkan umatnya untuk melayani tetamu dengan sebaiknya sebagai tanda menghargai kunjungan mereka. Layanan yang diberikan seharusnya membuatkan tetamu merasai kehadiran mereka begitu dihargai dan pulang tanpa rasa terkilan. Hal ini turut meninggalkan kesan positif kepada tuan rumah kerana tetamu yang pulang pasti akan bercerita tentang layanan yang diterima.

Seterusnya nilai dan budaya negatif juga dikeluarkan dari filem animasi ini. Dalam filem ini diperlihatkan menipu dan mencuri sebagai sifat utama Aladdin yang paling jelas diperlihatkan sedangkan dalam Islam, menipu atau berdusta merupakan salah satu sifat orang kafir (Haron, 2007) dan diterangkan dalam surah al-Maidah ayat 38 tentang hukuman yang perlu dijalani oleh seorang Muslim yang mencuri. Sebagai seorang yang masih muda dan berkemampuan dari segi fizikalnya, seorang anak muda Muslim disarankan mencari pekerjaan yang mendatangkan hasil rezeki yang halal sedangkan telah jelas dalam Islam doa mereka yang menerima hasil rezeki yang haram tidak sesekali akan dimakbulkan Allah S.W.T.

Begitu juga dengan pembunuhan sebagai jalan ringkas untuk mendapatkan sesuatu sedangkan dalam ayat 93 surah an-Nisa' jelas memberi amaran tentang azab pedih bagi mereka yang membunuh dengan sengaja. Sifat sompong pula jelas ditegah oleh Islam melalui ayat 36 dalam surah an-Nisa'. Kedua-dua sifat keji ini dimiliki oleh Jafar dan perkara ini mampu mempengaruhi anak-anak bahawa matlamat menghalalkan cara sedangkan dalam Islam, masih terdapat batasan nilai murni atau akhlak yang harus dituturi demi menjaga perhubungan antara manusia dan manusia. Aladdin turut mempunyai sifat tidak bersyukur dengan sering kali merungut tentang hidupnya sebagai orang miskin dan berangan-angan untuk hidup di dalam istana dengan segala kemewahan sedangkan sifat ini bertentangan dengan firman Allah S.W.T. dalam surah an-Nahl ayat 55 yang mengkhabarkan balasan buruk terhadap mereka yang tidak bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan. Panjang angan-angan ini membuatkan manusia lupa akan adanya akhirat dan perkara ini juga menyumbang kepada adanya pegangan matlamat menghalalkan cara (Abdul Kadir, 1964).

Setiap perwatakan dalam filem animasi ini juga menonjolkan sifat kurang sabar terutamanya dalam menghadapi pelbagai rentang kehidupan. Islam mengajarkan umatnya agar sentiasa bersabar dalam menghadapi rentang kehidupan seperti ayat 96 dalam surah an-Nahl dan ayat 177 dalam surah al-Baqarah. Surah ali-Imran ayat 134 menerangkan antara sifat-sifat orang yang bertakwa ialah mereka yang menahan kemarahannya tetapi sifat pemarah juga terdapat dalam kebanyakan watak utama filem ini. Hal ini akan mempengaruhi sifat anak-anak untuk menjadi bengis dan pemarah kerana permintaannya tidak dapat dipenuhi.

Anak-anak juga disajikan dengan alam fantasi yang melampau seperti adanya magis dan jin sebagai pembantu dalam memudahkan kehidupan sedangkan Islam jelas menyatakan bahawa hanya kuasa Allah S.W.T. yang mengawal segala sesuatu atas muka bumi ini seperti ayat 82 dalam surah Yasiin. Hal ini juga jelas melihatkan percanggahan aqidah Islam yang membawa kepada syirik seperti ayat 48 dalam surah an-Nisa'. Meyakini jin dan syaitan mempunyai kuasa serta pengamalan sihir merupakan salah satu daripada bentuk-bentuk syirik (Che Kamaruddin *et al.*, 2006). Aqidah merupakan tunjang utama jati diri seorang Muslim dan apabila aqidah ini goyah, digantikan dengan percaya kepada kuasa selain Allah S.W.T. membuatkan seseorang Muslim itu merasa tidak perlu kepada tuhan iaitu menjalani kehidupan atas bantuan Allah S.W.T. Pegangan yang goyah ini sekali gus mempengaruhi kondisi mental seseorang dan meletakkan dirinya dalam kehidupan yang tidak merasai ketenangan abadi atas segala perkara yang terjadi.

Dalam filem animasi ini juga menonjolkan konflik anak gadis keluar dari rumah tanpa keizinan ibu bapa yang menjadi titik permulaan bibit-bibit cinta dan plot cerita semakin menarik. Nilai ini akan mempengaruhi anak-anak bahawa langkah ini mampu mengubah hidup mereka ke arah yang lebih bahagia sedangkan dalam Islam sentiasa menegaskan pentingnya reda dan izin daripada ibu bapa terhadap setiap langkah dan pilihan seorang anak. Kebebasan total yang ditonjolkan mampu membuatkan anak-anak memberontak jika kebebasan mereka seperti dikongkong sedangkan mereka masih perlu dipantau oleh ibu bapa agar tidak tersilap memilih jalan hidup.

Dalam surah al-Qasas ayat 76 jelas memperlihatkan larangan umat Islam untuk bermegah-megah tetapi nilai ini dipaparkan apabila Aladdin mendabik dada dengan kekayaannya di hadapan rakyat jelata ketika dalam perjalanan menemui Sultan Agrabah dan Jasmine. Genie juga memainkan elemen ini apabila setiap kekayaan Putera Ali Ababwa disenaraikan satu per satu di khalayak penduduk. Putera Ali Ababwa dalam *Aladdin* merupakan penyamaran Aladdin sebagai seorang putera raja untuk memikat hati Jasmine sekaligus melayakkan dirinya berkahwin dengan puteri raja tersebut. Kekayaan yang diperoleh seharusnya dikongsi bersama komuniti terutamanya mereka yang amat memerlukan bantuan dan bukannya sebagai material untuk bermegah-megah. Kemegahan ini akan disusuli dengan pelbagai penyakit hati sama ada dalam dirinya sendiri maupun ahli komunitinya.

Di sudut lain pula, surah al-Ahzab ayat 72 memberi peringatan tentang manusia yang tidak bertanggungjawab malahan hanya mementingkan hal peribadi mereka sahaja. Perkara ini jelas ditonjolkan dalam filem animasi ini menerusi Jafar dan Sultan Agrabah sendiri. Jafar seharusnya sebagai Wazir Besar negara tidak mengambil peluang untuk menaiki takhta sebaliknya terus cuba untuk menyelesaikan masalah negara dengan ikhlasnya manakala Sultan Agrabah sendiri seharusnya lebih peka dengan rakyat jelata, bukannya menghabiskan masa dengan permainan dan hiburan dalam istananya. Jasmine pula mempunyai sifat sering bersangka buruk terhadap mereka yang berada di sekelilingnya termasuk ayahandanya, Sultan Agrabah dan Aladdin sedangkan dalam surah al-Fath ayat 12 terdapat peringatan kepada umat Islam agar tidak bersangka buruk supaya terhindar dari menjadi umat yang rosak. Aladdin pula biarpun tidak ketara tetapi mempunyai sikap tamak yang ditonjolkan apabila hanya bersetuju membantu Jafar ketika dia dijanjikan ganjaran yang banyak sedangkan jelas dalam surah al-Fajr ayat 20 hingga 21 menegah sifat tamak haloba. Filem animasi ini juga mengelirukan anak-anak dengan kebiasaan masyarakat yang tiada adab kesopanan sesama mereka sedangkan firman Allah S.W.T. dalam surah al-Furqan ayat 63 menganjurkan umat Islam agar beradab sopan di atas muka bumi ini. Adab sopan atau akhlak merupakan antara perkara tunjang yang Islam ajarkan kerana dengan akhlak, seseorang itu dapat menjaga hubungannya dengan manusia yang menjadi dasar perhubungan dalam bermasyarakat.

Dalam surah al-Hujurat ayat 12 terdapat larangan mengintip atau curi dengar perbualan dengan niat yang tidak baik tetapi perkara ini menjadi salah satu nilai yang ditonjolkan oleh Iago, burung peliharaan Jafar dalam membantunya menjalankan perancangan jahat. Jafar juga didapati mengkhianati perjanjian yang dipersetujuinya dengan Aladdin sedangkan perbuatan khianat dilarang dalam Islam berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam surah al-Haj ayat 38. Pengkhianatan sesuatu perjanjian itu dilihat lebih besar dosanya dari daripada tidak menabur budi kerana seseorang yang telah berjanji itu gagal untuk menuaikan janjinya sekali gus tergolong dalam orang yang berdusta.

Perkara ini menyebabkan terguris hati penerima janji dan pelbagai kemungkinan dapat berlaku seperti putus pertalian antara kedua pihak. Disebabkan perkara ini, Islam mewajibkan umatnya untuk memelihara, menyempurnakan dan menunaikan janji seperti yang dinyatakan dalam ayat 40 surah al-Baqarah (Mustafa, 1995).

Dalam filem animasi ini juga unsur paksaan dijadikan konflik iaitu situasi yang sering berlaku antara Jafar, Sultan Agrabah dan Jasmine sedangkan dalam surah an-Nisa’ ayat 19 telah jelas menunjukkan penolakan penggunaan cara paksaan dalam hubungan. Dalam *Aladdin*, jelas ditunjukkan wanita sebagai mangsa yang tersepit antara dua pihak yang memaksa termasuk tidak mempunyai hak dalam menyuarakan hasrat hatinya. Perkara ini akan membuatkan anak-anak perempuan merasakan suara hati mereka tidak akan diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan untuk kehidupan mereka. Budaya mengeksplorasi wanita turut dapat dilihat dari awal hingga akhir filem animasi ini sama ada berlaku kepada Jasmine atau juga watak sampingan yang dilihat tidak mempunyai fungsi dalam menentukan plot cerita apabila unsur-unsur seks dimasukkan. Wanita-wanita ini memakai pakaian yang menyerupai pelacur dan berperwatakan yang menggoda dan menghairahkan berada di jalanan. Perkara ini jelas menunjukkan hilangnya kehormatan dan kebebasan wanita Islam yang telah lama dijaga oleh Islam. Allah S.W.T. menerangkan perkara ini dengan panjang lebar dalam surah an-Nur ayat 30 hingga 31. Cara pemakaian yang tidak ditegah ini akan dianggap sebagai satu kebiasaan dan tiada lagi rasa malu dalam diri anak-anak dalam menunjukkan sebahagian perhiasan diri jika mereka meniru pemakaian sebegini.

Di samping itu, terdapat unsur-unsur budaya Iluminati dan Freemason yang diselitkan dalam filem animasi ini. Unsur yang paling ketara adalah penggunaan simbol *the Horned Hand*. Perkara ini telah dihuraikan oleh Mohd Asri (<http://drmaza.com/home/?P=1292>) dalam laman sesawangnya berkaitan hadis yang bermaksud: *Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia dalam kalangan mereka*. Walaupun hadis ini dikatakan bertaraf hasan, terdapat juga pendapat yang menganggap ianya sahih. Budaya, gaya atau apa juu yang ditiru oleh masyarakat terutamanya anak muda kini boleh membawa kepada dosa kerana ia berunsurkan kejahatan malah boleh membuatkan orang kafir memandang serong terhadap masyarakat Islam yang seharusnya suci dan tiada unsur-unsur negatif yang ada dalam kaum lain. Terdapat juga unsur-unsur budaya yang menghina Islam seperti hukum hudud apabila ianya disalah erti melalui pelaksanaan dalam masyarakat. Jasmine hampir kehilangan tangannya kerana dituduh mencuri tanpa pengadilan yang selayaknya. Begitu juga percubaan menyamaratakan Islam dengan agama dan kepercayaan lain apabila jelas ditonjolkan penduduk setempat berbangsa Arab, beragama Islam tetapi menerima kemasukan budaya Hindu. Hal ini jelas bertentangan dengan firman Allah S.W.T. dalam surah ali-Imran ayat 85 dan mereka ini tergolong dalam golongan yang rugi di akhirat kelak kerana ia berkait rapat dengan soal aqidah seseorang itu.

Dalam filem animasi ini turut terdapat proses pembaratan iaitu budaya wanita yang tidak menghiraukan batasan aurat mengikut syariat Islam selain cara hidup yang diamalkan oleh watak-watak utama. Perkara ini harus diambil berat kerana mampu mengelirukan anak-anak dengan percanggahan dua budaya. Aladdin dan Jasmine banyak menunjukkan budaya hidup bebas dengan berpegangan tangan tanpa segan silu termasuklah berpelukan malah berkucupan sebelum nikah di hadapan ayahanda Jasmine sendiri. Ajaran Islam jelas melarang perbuatan yang menghampiri zina

dalam surah al-Isra' ayat 32 supaya masyarakat terpelihara dari pelbagai masalah kesan daripada perbuatan terkutuk tersebut seperti kekeliruan nasab.

Unsur-unsur Hinduisme juga dilihat ketara dalam filem animasi ini apabila setiap perkara atau konflik cerita disusuli dengan sebuah lagu yang bertujuan hiburan semata-mata sedangkan dalam Islam, hiburan yang melalaikan adalah tidak dibenarkan. Ayat 32 dalam surah al-An'am menjelaskan tentang perkara ini namun ini tidak bermakna dalam Islam tiada hiburan yang dibenarkan. Islam masih menerima fitrah manusia yang ingin kepada hiburan tetapi ianya haruslah berlandaskan syariat. Zulkiple (2009) dalam penulisannya cuba membincangkan status dan hukum Islam berkaitan hiburan. Kekurangan yang didapati dalam bidang ini ialah kurangnya usaha membangunkan hiburan Islam. Hiburan zaman kini lebih banyak dipengaruhi sekular yang tidak lagi berkaitan mencari ketenangan dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. tetapi lebih ke arah berhibur, bersuka ria dan ingin bebas dari kongkongan agama. Hiburan ini menurut Mohamad Kamil dan Muhammed (2008) akan membawa kepada maksiat kerana sudah hilang matlamat asalnya.

Setelah mengkaji dan menganalisis perkara-perkara di atas, pengkaji mendapat terdapat lebih banyak nilai dan budaya negatif berbanding nilai dan budaya positif dalam filem animasi *Aladdin* ini. Filem animasi ini dilihat mampu mempengaruhi minda separa sedar anak-anak Muslim yang menonton jadi berkemungkinan tinggi nilai dan budaya negatif dapat mengatasi nilai dan budaya positif yang jauh lebih amat sedikit penonjolannya melalui watak dan perwatakan serta latar masyarakat.

## Kesimpulan

Kesimpulan bagi kajian ini, pengkaji mendapat lebih jelas dilihat nilai dan budaya negatif dipersembahkan berbanding nilai dan budaya positif. Perkara ini berikutan latar tempat filem animasi ini adalah kawasan Semenanjung Arab yang majoriti mengenalinya sebagai daerah-daerah Islam. Pertembungan dua budaya yang amat berbeza banyak berlaku dan dikhawatir mampu mengelirukan pegangan hidup dan jati diri anak-anak Muslim kerana Malaysia juga dikenali sebagai negara Islam. Hal ini perlu diberi perhatian oleh ibu bapa kerana media kini semakin meluas dan mustahil untuk dikawal selia. Maka anak-anak perlu dididik dari awal agar berupaya mengenal pasti dan mengklasifikasikan sendiri perkara positif dan negatif seterusnya kekeliruan identiti dan jati diri sebagai seorang Muslim dapat dielakkan.

Filem animasi ini juga jika dibandingkan dengan kisah asal *Aladdin* dalam *Arabian Nights* mempunyai terlalu banyak perbezaan nilai murni yang ingin disampaikan. Dalam kisah asal yang diterjemahkan oleh Richard Burton (2013), Aladdin mempunyai seorang ibu yang berpegang kuat dengan ajaran Islam dan sering mengingatkannya tentang kekuasaan Allah S.W.T. Aladdin dalam kisah ini juga berusaha sendiri mencari rezeki yang halal dengan menjual beberapa bekas emas dan perak berbanding Aladdin versi Disney yang mencuri sebagai sumber rezekinya. Walaupun penyampaian kisah ini hanya melalui penulisan, tetapi jelas dapat dilihat nilai murni yang diterapkan bertujuan memberi pengajaran dan penerapan nilai murni dan akhlak Islam berbanding filem animasi *Aladdin* keluaran *The Walt Disney Company* yang lebih banyak percanggahan dengan ajaran Islam.

Perkara ini juga perlu diberi perhatian oleh para pendakwah agar lebih proaktif dalam melibatkan diri dan menghasilkan produksi media anak-anak yang lebih membantu anak-anak Muslim dalam membentuk jati diri mereka memandangkan media massa semakin hari semakin meluas dan menjadi salah satu sistem pendidikan tidak formal tanpa disedari.

### **Penghargaan**

Penghargaan diberikan kepada Ketua Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Dekan Fakulti Pengajian Islam, para pensyarah serta pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi ruang dan peluang kepada pengkaji menimba ilmu dan pengalaman. Terima kasih juga buat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) Universiti Kebangsaan Malaysia yang meluluskan penajaan *Graduate Research Assistant* (GRA) dalam membantu pengkaji dari segi kewangan untuk menjalankan kajian. Penghargaan juga diberi kepada pihak Perpustakaan Tun Sri Lanang yang memberikan platform pencarian maklumat dengan laman sesawang jurnal-jurnal dalam negara dan antarabangsa.

### **Rujukan**

- Ahmad Munawar Ismail, Mohd Yusof Othman, Jawiah Dakir. 2011. The development of human behaviour: Islamic approach. *Jurnal Hadari* 3 (2): hlm 103-116.
- Aladdin*. 1992. Filem animasi. Amerika Syarikat: The Walt Disney Company.
- Che Kamaruddin Md Daud, Nik Aminah Nik Idris, Rukiah Muhamad, Siti Fatimah Sudin, Sulaiman Wahid. 2006. *Asas-asas Islam – Khalifah, Akhlak dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Gregory Fouts, Mitchell Callan, Kelly Piasentin, Andrea Lawson. 2006. Demonizing in children's television cartoons and Disney animated films. *Child Psychiatry Hum Dev* 37: 15-23 [25 Jun 2012].
- Gulcur, Musa Kazim. 2010. *Good character: a comprehensive guide to manners and morals in Islam*. Terj. Jessica Ozalp. Amerika Syarikat: Tughra Books.
- Haron Din. 2007. *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- <http://boxofficemojo.com/alltime/world/> [15 Jun 2012].
- <http://drmaza.com/home/?P=1292> [19 Julai 2012].

<http://www.buzzle.com/articles/timeline-of-walt-disney-life-history-of-walt-disney.html> [30 Mei 2012].

<http://www.disneyshorts.org/character.aspx?characterID=1> [29 Mei 2012].

[http://www.searchtruth.com/book\\_display.php?book=23&translator=1&start=0&number=441](http://www.searchtruth.com/book_display.php?book=23&translator=1&start=0&number=441) [12 November 2013].

Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. 2012. Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri anak-anak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition* hlm 51-65.

Litsa Renee Tanner, Shelley A. Haddock, Toni Schindler Zimmerman, Lori K. Lund. 2003. Images of couples and families in Disney feature-length animated films. *The American Journal of Family Therapy* 31: 355-375 [24 Jun 2012].

Mohamad Kamil Ab Majid, Muhammed Yusof. 2008. Ke arah memperkasakan Islamisasi seni muzik sebagai satu alternatif: Satu pengamatan awal. *Jurnal Hadhari Edisi Khas* hlm 105-121.

Mustafa Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Neal Gabler. 2006. *Walt Disney: the triumph of the American imagination*. Amerika Syarikat: Vintage Books.

Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ralph S. Izard. 1967. Walt Disney: Master of laughter and learning. *Peabody Journal of Education* 45(1): 36-41. <http://www.jstor.org/stable/1491447> [25 Jun 2012].

Richard Burton. 2013. *The Arabian Nights' Entertainment (Alf Laylah wa Laylah)*. Adelaide: The University of Adelaide. <http://ebooks.adelaide.edu.au/b/burton/richard/b97a/index.html> [24/12/13].

Tafsir ar-Rahman. <http://islamgrid.gov.my/flipbook/product/index.html> [26 Disember 2013].

Zulkiple Abd Ghani. 2009. Entertainment in Muslim media: Unsettled Problem? *Jurnal Hadhari* hlm 53-63.

### **About the Authors**

Nur ‘Azizah Mohamed Najib merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau berkaitan tentang animasi, penontonan kanak-kanak dan isu-isu berkaitan media hiburan dan pendidikan kanak-kanak Muslim secara tidak langsung. Beliau boleh dihubungi di *azizahnajib@gmail.com*.

Siti Rugayah Hj. Tibek (Ph.D) merupakan Pengarah Kumpulan Penyelidik Kajian Rantau Asia Barat (AKRAB) Universiti Kebangsaan Malaysia. Profesor di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau merupakan Kesenian dan Kebudayaan serta Metodologi Dakwah. Beliau boleh dihubungi melalui *siti\_tibek@yahoo.com*.